


PH cari punca kekalahan: Dr M

BH - 19/11/2020 m/s: 7

Langkah bagi ketahu mengapa rakyat Sabah kecewa dengan pemerintahan ketika ini



Dr Mahathir Mohamad



PH perlu menerima kekalahan di Kimanis yang memberi isyarat jelas ketidakpuasan hati rakyat terhadap kerajaan. Kekalahan kali ini juga bukan masa untuk menyalahkan mana-mana pihak.

Anwar Ibrahim,
Ketua Umum PH

memberi tekanan kepadanya, Ahli Parlimen Port Dickson itu menngaku perkara berkenaan.

“Sudah tentu beri tekanan kerana ini sudah jadi tanggungjawab Dr Mahathir, saya dan rakan lain untuk memikirkan langkah

seterusnya ke arah memenangi hati rakyat yang terluka,” katanya.

Mengulas mengenai keputusan PRK itu, Anwar percaya Sabah di bawah pimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, akan terus meningkatkan usaha membangunkan negeri itu.

“Jelas masalah rakyat ketika ini adalah masalah ekonomi. Sehari di sana saya tengok pekebun getah kecil, infrastruktur dan kemudahan yang perlukan perubahan.

“Saya percaya nanti kita dapat buat perubahan baik selepas ini,” katanya.

Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Parlimen Kimanis selepas mendapat 2,029 majoriti dalam PRK Kimanis.

Sementara itu, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan, menzahirkan kesyukuran atas kemenangan BN mengekalkan kerusi Parlimen Kimanis.

Beliau menyifatkan kejayaan dengan 2,029 majoriti dalam pertembungan satu lawan satu itu, sebagai kemenangan selesa.

“Saya nak ambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pengundi di Kimanis, yang memberi kepercayaan kepada BN di PRK Kimanis ini.

“Tahniah kepada seluruh jentera di Bahagian Kimanis, bahagian seluruh negeri Sabah dan ahli Majlis Tertinggi, rakan parti komponen BN, sahabat dan tak

lupa jentera serta kepemimpinan PAS, serta semua yang terbabit bertungkus-lumus bekerja siang dan malam,” katanya menerusi kenyataan di akaun Facebook rasminya, malam tadi.

“Kemenangan BN buat kali kelima berturut-turut dalam PRK sejak PRU-14 pada 9 Mei 2018 membuktikan rakyat benar-benar muak dan tidak yakin lagi dengan pemerintahan Pakatan Harapan (PH) dan WARISAN pada peringkat negeri.

“Biarpun PH dan WARISAN menabur pelbagai peruntukan, memiliki kekuatan jentera kerajaan, termasuk media utama, tetapi rakyat bijak memilih wakil rakyat mereka.

“Mesej rakyat di Kimanis sama seperti di Semenyih, Rantau, Cameron Highlands dan Tanjung Piai, iaitu rakyat benar-benar terluka dengan Kerajaan PH yang bukan saja gagal menunaikan janji manifesto, bahkan gagal menjaga hak dan kepentingan rakyat,” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, mendakwa undi-an menunjukkan berlaku penolakan rakyat terhadap PH, khususnya di kawasan majoriti Melayu dan Bumiputera.

“Tahniah, Kimanis telah berpondirian kepada BN, malah penolakan rakyat terhadap PH adalah merata, terutama di kawasan Melayu dan Bumiputera,” katanya.

Pada masa sama, katanya, wujud masalah pada kerajaan dalam menyampaikan apa yang sudah dilakukan termasuk bagi menceritakan kembali kejayaan yang sudah tidak dicapai kepada rakyat.

Di Port Dickson, Ketua Umum PH yang juga Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata PH perlu menerima kekalahan di Kimanis yang memberi isyarat jelas ketidakpuasan hati rakyat terhadap kerajaan.

Beliau berkata, kekalahan kali ini juga bukan masa untuk menyalahkan mana-mana pihak.

“Ini bukan salah sesiapa. Tindakan harus diambil dan kalau tidak dapat terima, kesannya parah kerana ia sudah menyeluruh ke seluruh negara,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina dan Perasmian Bazar Tahun Baharu Cina Lukut di sini, malam tadi.

Ditanya sama ada kekalahan itu



Alor Setar: Parti Warisan Sabah (WARISAN) tewas pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kimanis kerana rakyat Sabah belum menikmati kebaikan pemerintahan baharu di bawah Pakatan Harapan (PH), kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, PH akan melakukan *post mortem* selepas ini bagi menentukan sebab kekalahan dan mengetahui mengapa rakyat Sabah kecewa dengan pemerintahan ketika ini.